











# CONTOH PERATURAN SEKOLAH



## **PENTADBIRAN**

- **Murid-murid dikehendaki berada di sekolah 10 minit sebelum loceng dibunyikan.**
- **Murid-murid dikehendaki beratur di luar bilik darjah dan hanya boleh masuk ke kelas apabila guru berada bersama.**
- **Murid-murid tidak dibenarkan keluar daripada kawasan sekolah seorang diri atau dengan orang luar sebelum waktu balik. Ibu bapa yang ingin membawa anak-anak mereka balik mesti memberitahu guru kelas, Guru Penolong Kanan dan menandatangani buku "Murid Pulang Awal" yang disediakan di Pejabat.**
- **Murid-murid yang tidak hadir kerana sakit atau sebab-sebab tertentu hendaklah memberitahu guru kelas dengan membawa surat akuan doktor atau surat alasan ibu bapa / penjaga.**
- **Murid-murid yang tidak sihat dilarang datang ke sekolah**





## **TATATERTIB MURID**

- **Murid-murid wajib memakai pakaian seragam sekolah yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan.**
- **Murid-murid hendaklah memakai lencana sekolah pada baju mereka.**
- **Rambut murid-murid hendaklah sentiasa bersih, kemas dan fesyennya hendaklah sesuai dengan pelajar sekolah.**
- **Murid-murid dilarang memakai barang-barang kemas seperti gelang, rantai, loket, subang dan cincin.**
- **Murid-murid hendaklah berkuku pendek dan bersih.**
- **Hanya reben berwarna biru tua atau putih boleh dipakai.**
- **Subang dibenarkan kepada murid-murid perempuan sahaja. Ukurannya tidak melebihi garis lintang 1cm.**

## **TATATERTIB SEMASA DI DALAM BILIK KELAS**

- **Murid-murid mestilah sentiasa senyap, berdisiplin dan bersedia untuk belajar.**
- **Keluar masuk kelas dilarang semasa ketiadaan guru.**
- **Kebersihan kelas adalah tanggungjawab bersama. Kebersihan sekitar kerusi dan meja dijaga oleh murid yang duduk di situ.**
- **Murid-murid tidak dibenarkan berada di dalam bilik darjah bila murid-murid pada masa itu perlu berada di kelas lain.**
- **Lima minit sebelum loceng akhir berbunyi, murid-murid hendaklah bersihkan meja masing-masing, kelas dan bakul sampah. Pastikan kipas ,lampu, tingkap dan pintu ditutup.**

